



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**44,400 PELAJAR SEKOLAH TERIMA MANFAAT DARI  
PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)  
YAYASAN PELAJARAN MARA**

---

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Pendidikan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dan Pelancaran Program *Back To School 2021@KPLB* Peringkat Kebangsaan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Mersing, Johor telah diadakan pada 3 Januari 2021.

Program *Back To School* YPM merupakan program bantuan awal persekolahan yang dilaksanakan menjelang sesi awal persekolahan melibatkan pemberian bantuan keperluan persekolahan kepada pelajar-pelajar miskin atau kategori B40 seluruh negara bagi membantu mengurangkan beban ibu bapa pelajar.

Pelaksanaan Program “Back To School” YPM dijalankan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan juga Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah memberi manfaat kepada lebih 40,000 pelajar yang mana melalui kerjasama ini PPD melalui sekolah mengenal pasti pelajar dalam kategori miskin/B40 manakala YPM menyediakan peruntukan untuk disalurkan kepada pelajar- pelajar yang telah dikenal pasti.

Objektif program ini pertamanya untuk membantu mengurangkan beban ibu bapa berpendapatan rendah menyediakan kelengkapan persekolahan anak di awal tahun sesi persekolahan bermula. Kedua, membantu pelajar kurang berkemampuan di kawasan luar bandar mengikuti sesi persekolahan dengan sempurna serta selesa dan ketiga memberi galakan kepada pelajar untuk berusaha mencapai kecemerlangan sahsiah dan akademik.

**Pada tahun 2020 sejumlah 31,758 orang pelajar terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah yang dikenalpasti oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah menerima manfaat dari program ini dengan kos keseluruhan berjumlah RM1,809,858.60.** Bantuan awal persekolahan ini adalah berbentuk buku tulis, buku sekolah dan peralatan yang sesuai kepada pelajar dengan kadar **RM50 bagi sekolah rendah dan RM70 bagi sekolah menengah.**

**Pada tahun 2021, YPM menyasarkan penerima sumbangan di bawah Program Skim Bantuan Persekolahan adalah seramai 44,400 orang pelajar di seluruh negara dan akan menerima manfaat dengan jumlah keseluruhan RM2,664,000.00.**

Selain itu, bagi menyokong usaha kerajaan dalam membantu pelajar-pelajar yang terkesan dengan pandemik Covid 19 ini, beberapa pengisian Program CSR Pendidikan YPM di daerah Mersing, Johor yang pertama kalinya diwujudkan meliputi Sumbangan Bantuan Khas Persekolahan YPM kepada 500 orang pelajar dari 36 buah sekolah di daerah Mersing meliputi pecahan sumbangan seperti berikut :

- i. Pelajar ini akan menerima RM100.00 setiap seorang dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM50,000.00.
- ii. Penyerahan surat tawaran & “Mock Cheque” Skim Anak Angkat YPM kepada 50 Pelajar Sekolah Menengah di sekitar daerah Mersing. Bantuan ini merangkumi bantuan wang saku bulanan RM100.00 sebulan sehingga tamat Tingkatan 5 dengan jumlah bantuan keseluruhan sebanyak RM60,000.00.
- iii. Penyerahan “Mock Cheque” Program Celik Al-Quran YPM kepada 5 pusat Program Celik Al-Quran dengan jumlah sumbangan sebanyak RM20,000.00.
- iv. Bantuan awal persekolahan *Back To School* untuk Daerah Mersing berjumlah RM12,000.00.

Bagi merealisasikan pelaksanaan ini, Yayasan Pelajaran MARA telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengenalpasti pelajar yang layak untuk diberikan sumbangan.

- Tamat -

**YB Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad**  
**Menteri Pembangunan Luar Bandar**  
**4 Januari 2021**

**Putrajaya**

Dikeluarkan Oleh :

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

## Gambar Dan Caption

1. YB Puan Alwiyah Talib, ADUN Endau bergambar bersama penerima bantuan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Yayasan Pelajaran MARA di MRSM Mersing, Johor



2. YB Puan Alwiyah Talib, ADUN Endau mewakili YB Menteri Pembangunan Luar Bandar menyampaikan sumbangan YPM kepada pelajar.

